



BERJAYA...Dr Abdul Rashid (dua dari kiri) bersama kakitangan UPM dengan piala dan sijil dimenangi hasil kajian mereka.

Guna komputer bantu petani



SERDANG: Satu revolusi pertanian baru bakal berlaku di negara ini apabila Universiti Putra Malaysia (UPM) melalui Fakulti Kejuruteraannya memperkenalkan Sistem Sokongan Keputusan Spatial (SDSS) yang mampu memajukan bidang perladangan persis padi berkeanaan secara drastik.

Ketua Jabatan Teknologi-Bio fakulti itu, Prof Madya Dr Abdul Rashid Mohamed Shariff, berkata sistem berkenaan boleh membantu petani mengurus ladang mereka secara lebih berkesan menggunakan teknologi komputer.

"Sistem ini dibangunkan Kumpulan Penyelidikan dan Pembangunan Kejuruteraan Perladangan Presis (Preferd) UPM dengan kerjasama beberapa agensi kerajaan antaranya Jabatan Pertanian dan Mardi (Ins-

titut Penyelidikan dan Kemandirian Pertanian Malaysia) menggunakan teknologi Sistem Maklumat Geografi (GIS).

"Penggunaan sistem ini mampu memajukan bidang pertanian dan perladangan persis padi bagi pengeluaran hasil optima, baik dari segi pengeluaran, mahupun kualiti," katanya pada Majlis Promosi Hasil Penyelidikan UPM di universiti terbabit, semalam.

Menurutnya, sistem berkenaan mudah dikendalikan selain tidak mengambil masa lama dipelajari.

"Petani yang berminat-mempelajarinya bakal diberikan latihan pengendalian sistem membabitkan penggunaan perisian perkhidmatan dan profil sawah padi mereka," katanya.

Rashid berkata, RM1.7 juta diperuntukkan menjalankan kajian pembangunan sistem bersesuaian digunakan petani yang mengambil masa enam tahun untuk dibangunkan.